SENARIO KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM MASA KINI: PROSPEK, ISU-ISU DAN CABARAN*

Oleh:
Assoc. Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin[1]
Nusaibah Mohd Parid[2]

MUKADDIMAH

Kewangan Islam dalam bentuknya yang terkini telah bermula sejak 30 tahun yang lalu walau pun prinsip –prinsip asasnya telah sedia ada sejak kedatangan Islam lagi. Sejarah awal Islam menunjukkan bahawa golongan Muslim juga cemerlang dalam bidang kewangan dan perniagaan dengan mengamalkan teransaksi yang halal dan bersih daripada sebarang unsur kezaliman seperti riba dan perjudian. Setelah tempoh itu dan sejak 30 tahun yang lalu, banyak perkembangan telah berlaku dan kewangan Islam kini diiktiraf sebagai mempunyai banyak potensi. Keampuhannya semasa melalui tempoh krisis kewangan yang melanda dunia membuktikan bahawa sistem kewangan Islam berupaya menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional. Namun, tidak dinafikan bahawa sistem ini turut terjejas sedikit oleh kerana kelempabapan ekonomi dunia. Kepelbagaian kontrak Syari'ah dan dinamisma serta keanjalan Syari'ah telah membantu perkembangan pelbagai produk dan innovasi dalam kewangan Islam. Sistem ini dijangka berupaya menyaingi sistem kewangan konvensional dan mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan setiap tahun. Sesungguhnya, kejayaan sistem kewangan Islam ini adalah kerana sumbangan ramai ulama' Syari'ah yang benar – benar memahami maksud

---

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Kewangan dan Perbankan Islam 2010, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMSEL) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), pada 13 Mac 2010, bertempat di Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan.

[1] Assoc. Prof. Dr. Mohamad Akram adalah Pengarah Eksekutif kepada Akademi Penyelidikan Syari'ah berkaitan Kewangan Islam (ISRA), Kuala Lumpur.

[2] Nusaibah Mohd. Parid kini bertugas sebagai Penyelidik Kanan di Akademi Penyelidikan Syari'ah berkaitan Kewangan Islam (ISRA), Kuala Lumpur.

Syari'ah serta aplikasinya dan insan- insan yang ikhlas dan tidak putus asa bekerja untuk kejayaannya. Kertas kerja ini akan berbicara berkenaan senario, prospek, pelbagai isu dan cabaran dalam sistem kewangan dan perbankan Islam masa kini berdasarkan kepada pemerhatian penulis.

SENARIO MASA KINI

Sistem kewangan dan perbankan Islam masa kini telah mengecapi pelbagai kejayaan walau pun pada mulanya bermula dengan perkhidmatan mikro. Pada masa kini, kewangan Islam telah berkembang dan menyumbang dalam perkembangan ekonomi mikro dan makro. Malah, sistem kewangan Islam telah mencakupi sektor perbankan, takaful, pasaran modal dan pasaran wang serta industri ini telah bercambah di pelbagai benua dan negara. Ini telah membuktikan bahawa Syari'ah adalah sangat relevan dan ampuh dalam memenuhi keperluan manusia di mana jua. Hal ini adalah jelas jika dilihat daripada senarai negara yang mempunyai inidustri kewangan Islam. Sebagai contoh, antara pasaran sedia ada kewangan Islam adalah kebanyakan negara di Timur Tengah dan Asia Tenggara serta beberapa negara di Benua Eropah, Amerika dan Asia Selatan dan Timur. Selain negara –negar tersebut, antara pasaran baru sistem kewangan Islam adalah Hong Kong, Singapura, Japan, Amerika, Thailand dan lain – lain lagi.

Selain daripada peluasan dari sudut geografi atau peluasan melintang, sistem kewangan Islam juga mengecapi pertumbuhan menaik yang mana aset 500 bank Islam utama di seluruh dunia telah meningkat sebanyak 28.6% kepada 822 billion Dolar Amerika pada penghujung tahun 2009.[i] Ini menjelaskan prospek baik kewangan Islam pada masa hadapan.

1. Kadar Kemajuan yang Baik

Sistem kewangan Islam telah berkembang dengan baik dan secara berperingkat yang mana di kebanyakan tempat, ia bermula dengan perkhidmatan perbankan seperti deposit dan lain-lain serta seteusnya perkhidamatn takaful, pasaran modal seperti Sukuk dan pasaran wang. Ianya telah mengalami pelbagai perkembangan dan melahirkan pelbagai

inovasi dan semua ini dilakukan bersama semakan dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan bahawa sistem kewangan Islam sentiasa sentiasa dalam semak dan seimbang (check and balance). Ianya juga memastikan bahawa kewangan Islam sentiasa mengikuti serta memenuhi keperluan semasa. Sebagai contoh, Malaysia telah memperkenalkan Plan Induk Sektor Kewangan (10 Year Master Plan for Finance Sector) yang menggariskan 10 aspek atau strategi yang menjadi tumpuan utama bagi mencapai objektif membina keupayaan institusi –institusi kewangan dan menyokong infrustruktur – infrastruktur sistem kewangan. Plan ini turut melibatkan usaha – usaha memperkasakan perkhidmatan kewangan Islam dan strategi – strategi yang perlu diambil daripada tahun 2001 sehingga 2010. Pada hari ini Malaysia telah menikmati kemajuan dalam kewangan Islam dan menjadi antara tumpuan dan contoh kepada dunia.

2. Berdaya Tahan

Hal ini dapat dilihat daripada keampuhan sistem kewangan Islam semasa krisis kewangan dunia yang terkini. Sesungguhnya sistem kewangan Islam kurang terjejas oleh impak negatif krisis tersebut dan ianya adalah kerana kewangan Islam yang berasaskan Syari'ah tidak dibenarkan terlibat dalam pelbagai aktiviti yang telah menjadi faktor penyebab kepada krisis itu seperti amalan riba dan spekulasi. Malah terdapat beberapa saranan Syari'ah turut membantu sistem ini untuk mengelak krisis seumpama ini seperti hubungkait antara antara aktiviti kewangan, aset sebenar dan ekonomi sebenar perlu sentiasa dipelihara dan diawasi. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa walaupun terdapat kelembapan di pasaran Sukuk, namun Sukuk terus juga diterbitkan dan dipasarkan. Dan walau pun terdapat beberapa kes kegagalan menunaikan obligasi dalam transaksi sukuk di beberapa negara, tetapi ianya tidak memberi impak besar kepada industri kewanagn Islam di peringkat tempatan atau global.

3. Pelbagai Inisiatif

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai inisiatif demi perkembangan kewangan Islam dapat dilihat pada masa kini dan

semuanya adalah agar segala aspek dan keperluan perkembangan kewangan Islam ditekankan agar sistem ini terus tubuh dengan pesat. Sebagai contoh pelbagai institusi seperti INCEIF, IBFIM, IIBI dan lain-lain telah ditubuhkan bagi membantu pembangunan modal insan dan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran. Sesungguhnya kekurangan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kewanagn Islam adalah antara hal yang menjadi kebimbangan dalam industri ini. Dan bagi memastikan bahawa asas Syari'ah yang kuat mendasari perkembangan sistem serta produk kewangan Islam, terdapat pelbagai institusi yang menyumbang dan memainjan peranan mereka secara aktif dalam bidang ini seperti Majma' Fiqh, AAOIFI, IRTI, ISRA, Syarikat Penasihat Syari'ah Korporat dan sebagainya. Dan dari sudut memastikan wujud sistem pentadbiran dan pemantauan yang kukuh serta aplikasi amalan terbaik dalam industri, pelbagai institusi khusus seperti IFSB, Persatuan perbankan Islam dan takaful ditubuhkan bagi mempelopori inisiatif ini. Malah, dari sudut menghasilkan piawaian serta undang-undang yang menyokong aktiviti industri ini, ianya dipelopori oleh institusi-institusi seperti AAOIFI, IFSB dan Bank Pusat atau Majlis Penasihat Syari'ah Pusat. Selain daripada itu, terdapat lagi pelbagai inisiatif lain yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan kelangsungan sistem kewangan Islam.

4. Kepelbagaian Pasaran dan Peserta

Adalah diakui bahawa sistem kewangan Islam masa kini dalah menuju ke arah mewujudkan sistem kewangan yang serba lengkap. Oleh itu, ianya kini mencakupi industri perbankan Islam, pasaran modal, pasaran modal dan industri takaful. Malah dari sudut institusi, perkhidmatan kewangan Islam ditawarkan oleh sebuah institusi Islam, anak Syarikat kepada Institusi kewangan konvensional atau sekadar 'jendela atau kaunter' (window) daripada Institusi kewangan konvensional. Terdapat juga institusi kewangan konvensional yang melakukan transformasi menyeluruh dan bertukar kepada institusi kewangan Islam. Malah, peserta dalam sistem kewangan Islam daripada kalangan pelanggan, pelabur atau pengamal dalam sistem kewangan Islam adalah melibatkan mereka yang beragama Islam dan bukan Islam di pelbagai benua. Malah

sistem kewangan Islam telah berkembang di peringkat global sehingga mana pelbagai transaksi merentas sempadan negara (cross border) dapat dilakukan. Sebagai contoh, Bursa Suq Al Sila' telah memetrai perjanjian kontrak dengan Gatehouse Bank plc. yang berasal daripada United Kingdom setelah hanya sebulan lebih setelah ia mula beroperasi.[ii]

5. Memperolehi Kepercayaan

Kejayaan menghadapi krisis kewangan yang terkini telah membawa rahmat kepada sistem kewangan Islam yang mana ia semakin mendapat perhatian dan kepercayaan pelbagai pihak. Sebagai contoh, ianya telah membuka laluan ke pasaran kewangan di Eropah dan Amerika. Malah, banyak lagi negara Islam dan bukan Islam dijangka akan membenarkan operasi institusi kewangan Islam di peringkat tempatan. Disamping itu, penglibatan golongan bukan Islam dalam sistem ini juga makin meningkat. Sebagai contoh, kejatuhan pasaran sekuriti konvensional telah menyebabkan para pelabur beralih kepada pasaran sukuk.

6. Berdaya Saing

Di kebanyakan negara, sistem kewangan Islam dan konvensional kini beroperasi secara seiringan (dual sistem) dan kewangan Islam dilihat makin mendapat banyak urusniaga dan pelbagai peluang. Ianya juga mulai memperlihatkan keistimewaannya dan pelbagai ciriya yang unik serta diterima sebagai 'sistem kewanagn alternatif' kepada sistem konvensional masa kini. Malah, negara – negara seperti Singapura dan Hong Kong yang menjadi pusat kewangan konvensional turut mula mengkaji dan membenarkan operasi kewanagn Islam di negara mereka.

7. Pusat atau Pangkalan Kewangan Islam (Islamic Finance Hub)

Banyak negara telah mula mengisytiharkan bahawa ianya berhasrat untuk menjadi pusat atau pangkalan sistem kewangan Islam. Antara negara – negara tersebut adalah Malaysia, Emirates dan lain-lain. Ianya dilihat sebagai suatu perkembangan yang positif kepada perkembangan global sistem kewangan Islam. Negara yang menjadi tuan rumah kepada

pangkalan tersebut akan bergerak dan berusaha ke arah membentu suatu sistem kewanagn yang menyeluruh dan mengukuhkan perkhidmatan kewangan Islam dan pembekal-pembekalnya. Ianya akan menjadi seumpama satu 'pusat kecemerlangan' kewangan Islam bagi negara – negara yang berada di sekitarnnya dan yang berdekatan dengannya. Negara-negara lain juga boleh memanfaatkan kewujudan pusat ini untuk melaksanakan urusniaga global dan membangunkan industri kewangan Islam tempatan. Malah, ianya akan membolehkan perkongsian kemakmuran dan pengetahuan serta pengalaman antara negara berlainan. Modal – modal insan daripada pangkkalan ini akan menjadi 'duta-duta kewangan Islam' untuk negara lain.

PROSPEK SISTEM KEWANGAN ISLAM

Berdasarkan kepada senario sistem kewanagn masa kini, dapat dilihat bahawa prospek untuk perkembangan lanjut kewangan Islam adalah amat cerah walaupun masih terdapat banyak cabaran masih perlu diatasi. Oleh itu, masa depan kewangan Islam itu Insya' Allah dijangka mengandungi: -

Pembangunan Lestari
Satu pembangunan seimbang di mana Shari'ah dan pasaran berinteraksi dan mengalami integrasi dan keperluan serta saranan kedua-duanya diawasi dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Peningkatan Operasi
Himpunan pengalaman, integrasi antara pengamal-pengamal di pasaran dengan para penasihat Syari'ah serta persaingan sihat di dalam industri ini di peringkat global dan tempatan akan membantu dalam mencapai wawasan ini.

Penerimaan dan Aplikasi Peringkat Global
Telah terbukti bahawa sekiranya sistem kewangan Islam dan perkhidmatannya terus berkembang, ianya akan semakin mendapat kepercayaan masyarakt dunia, malah ianya kini mulai dikenali sebagai sesuai untuk pelbagai masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa

dan agama di merata dunia. Ini adalah kerana kewangan Islam memiliki ciri-ciri unik dan istimewa yang harmonis dengan pegangan pelbagai masyarakat seperti perkhidmatan bertanggungjawab dan beretika dan lain-lain.

Sistem Lengkap

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sistem kewangan Islam kini menuju ke arah suatu sistem yang lengkap bersama inovasi-inovasi dan pelbagai inisiatif serta sokongan dan usaha gigih pelbagai pihak.

Maka insya' Allah, ianya akan mewujudkan sebuah sistem kewangan Islam yang menjadi 'pilihan utama' pelbagai masyarakat dan bukan sekadar alternatif atau pilihan kedua, pada satu hari nanti, dan semoga ianya adalah dalam masa terdekat.

ISU –ISU DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM MASA KINI

Walau pun sistem kewangan Islam menikmati pertumbuhan yang memberangsangkan, namun ianya tidak bermakna bahawa sistem kewangan Islam telah lengkap atau tidak mengalami sebarang masalah atau pun isu –isu yang belum selesai. Berikut adalah beberapa isu yang masih menjadi persoalan dan perbincangan di kalangan warga industri kewangan Islam atau para pemerhati kepada sistem ini:-

1. Prinsip – prinsip Syari'ah

Prinsip-prinsip Shari'ah adalah merupakan asas utama kepada sistem kewangan Islam. Ianya menjamin kesahihan seluruh operasi sistem ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu berkenaan dengan aplikasinya. Antaranya adalah perbezaan ulama' dalam tafsiran-tafsiran terhadap Syari'ah dan kewujudan banyak fatwa berkenaan operasi kewangan Islam di seluruh dunia. Ianya dikatakan sebagai suatu isu ynag perlukan penyelesaian kerana sistem kewangan dan pengamal kewangan Islam memerlukan kepastian berkenaan prinsip-prinsip Syari'ah yang harus diaplikasi dan mengurangkan risiko ketidakpastian dalam pasaran.

Oleh yang demikian, antara usaha yang boleh dilakukan adalah mewujudkan piawaian – piawaian yang boleh diaplikasi atau diikuti secara global seperti yang dilakukan oleh BNM, AAOIFI dan IFSB serta langkah –langkah harmonisasai. Walau bagaimanapun, haruslah disedari yang ianya tidak dapat dilakukan secara menyeluruh kerana terdapat isu – isu kecil mungkin harus mengikut situasi dan keadaan semasa tempatan. Sebaiknya adalah, semua penasihat Syari'ah mengeluarkan fatwa mereka secara jujur dan professional beserta justifikasi – justifikasi kepada fatwa yang dikeluarkan. Ini akan membantu pengertian pihak lain dan penerimaan tanpa sebarang keraguan terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

2. Pentadbiran Syari'ah (Shari'ah Governance)

Kewujudan bagi rangka kerja pentadbiran Syari'ah adalah amat penting untuk memperolehi kepercayaan dan sebagai simbol kepada integriti industri ini. Badan penasihat Syari'ah yang merupakan komponen penting sistem pentadbiran Syari'ah bertanggugjawab untuk memastikan bahawa produk – produk dan operasi institusi kewangan Syari'ah adalah patuh Syari'ah. Terdapat beberapa negara yang telah menetapkan rangka kerja yang lengkap yang mencakupi peruntukan dalam Akta perundangan, panduan (guidelines) dan pekeliling daripada Bank Pusat, namun masih terdapat banyak negara yang masih tidak mempunyai peruntukan atau pengawasan yang mampan terhadap khidmat nasihat Syari'ah. Beberapa negara yang memperuntukkan kewujudan Majlis Penasihat Syari'ah di peringkat pusat seperti Malaysia telah melihat keberkesanan sistem ini dan oleh itu, amalan ini mungkin boleh diterapkan di negara – negara lain. Malah, suatu majlis penasihat Syari'ah di peringkat global juga boleh dipertimbangkan. Ianya akan menghimpunkan para ulama' di serata dunia dan membantu member khidmat Syari'ah kepada pelbagai negara. Ianya dilihat akan membantu harmonisasi antara fatwa – fatwa dan mengurangkan khilaf. Oleh yang demikian, ditegaskan di sini bahawa ketiadaan sistem pengawasan khusus bagi memastikan kualiti perkhidmatan para penasihat Syari'ah adalah agak membimbangkan.

3. Pendekatan Maqasid

Kebanyakan daripada tumpuan semasa diberikan terhadap 'kaedah' (means) dan sedikit sahaja berkaitan 'matlamat' (end). Malah terdapat juga amalan dalam kewangan Islam yang dikatakan sebagai mengutamakan 'bentuk' (form) daripada 'isi atau kandungan' (substance) suatu kontrak atau perkhidmatan. Hal –hal ini dikaitkan dengan tumpuan yang diberikan terhadap memenuhi tuntutan – tuntutan fikah (legal requirements) atau aspek pematuhan Syari'ah daripada tuntutan sebenar Syari'ah atau impak sesuatu produk atau perkhidamatan ke atas umat. Pengisytiharan AAOIFI berkaitan sukuk berasaskan mudarabah dan musyarakah pada 2 tahun yang lalu menjadi satu peringatan perihal misi, peranan dan integriti sistem kewangan Islam. Ini adalah kerana sistem kewangan Islam seharusanyanya menyumbang dalam pembangunan mikroekonomi dan makroekonomi daripada perspektif Maqasid Syari'ah. Oleh itu, pendekatan mengambil kira objektif Syari'ah dalam mempertimbangkan sesuatu produk atau perkhidmatan dan apa jua keputusan berkaitan institusi kewanagan Islam adalah amat dituntut agar pembangunan yang dicapai dalam sistem ini adalah selari dengan kehendak Syara' dan sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa.

4. Objektif – objektif Murni

Ada pun institusi-institusi kewangan Islam terdiri daripada institusi korporat, namun pencapaian objektif-objektif murni hendaklah turut digerakkan digerakkan oleh kerana ianya adalah dilihat sebagai institusi Islam dan Islam mengajurkan pegamalan dan penerapan nilai –nilai murni. Antara nila-nilai murni tersebut adalah seperti amalan bertanggungjawab dan beretika serta penerapan akhlak –akhlak Islamiah dalam khidmat –khidmat yang diberi oleh seluruh warga kerja institusi itu. Saranan dan panduan amalan terbaik yang dikeluarkan oleh IFSB haruslah diterapkan dan diamalkan sedaya upaya. Malah, konsept tanggungjawab sosial korporat (CSR) perlu dipertingkatkan melalui pemahaman benar bahwa 'kekayaan atau harta' adalah amanah dari Allah untuk dinikmati semua manusia. Suatu pendekatan seimbang perlu

diamalkan, yang mana kedua-dua aspek bisnes dan kebajikan Ummah adalah ditekankan.

5. Halangan Undang – undang

Halangan undang – undang adalah merupakan antara rintangan utama yang dihadapi oleh sistem kewangan Islam. Misalnya, sesetengah negara memerlukan pindaan undang-undang sebelum kewangan Islam boleh memulakan operasinya di situ. Malah terdapat juga negara yang mengkehendaki setiap produk atau transaksi kewangan Islam memenuhi keperluan cukai, cukai berganda dan sebagainya. Oleh itu, adalah amat penting supayaa sistem kewangan Islam diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem kewangan sedia ada dan rangka undang-undang yang sesuai serta menyokong sistem ini digubal. Selain itu, terdapat juga beberapa negara yang telah memberi pelepasan cukai sementara sebagai galakan kepada perkembangan sistem kewangan Islam tempatan dan usaha seperti ini adalah amat digalakkan untuk turut diterapkan di negara lain.

6. Pemikiran Gaya Konvensional

Adalah tidak boleh disangkal bahawa sistem kewangan konvensional mempunyai tradisi dan aplikasi lebih lama. Oleh itu, pelanggan-pelanggan telah terbiasa dengan amalan-amalan dan produk mereka. Maka, terdapat kecenderungan di kalangan mereka untuk meminta agar keluaran-keluaran yang sama atau untuk ciri-ciri yang sama terdapat pada produk kewangan Islam. Sebagai contoh, sukuk dilihat seolah – olah seperti bon konvensional yang menjanjikan pulangan tetap sedangkan apa jua instrumen pelaburan Islam seperti sukuk tidak boleh menjanjikan pulangan tetap. Hal ini telah menyebabkan ciri-ciri unik kewangan Islam dan identitinya tidak berapa difahami. Malah tekanan sebegini telah menyebabkan kebanyak produk kewangan dan perbankan Islam menyerupai beberapa ciri perkhidmatan konvensional sehinggan dikatakan sistem ini kekurangan inovasi tetapi lebih banyak menyerupai (imitation) produk konvensional atau dirujuk sebagai aktiviti pengislaman produk konvensional (islamisation).

CABARAN PADA MASA KINI

Sistem kewangan Islam juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran sejak penubuhannya. Generasi terdahulu telah mengharungi pelbagai cabaran semasa untuk meyediakan sistem kewangan Islam yang kita nikmati hari ini, maka generasi hari ini juga perlu mengharungi dan menyelesaikan pelbagai cabaran masa kini demi kelangsungan sistem ini serta pertumbuhan sterusnya. Antara cabaran- cabaran tersebut adalah seperti berikut:-

1. Pasaran Global

Sistem kewanagn Islam yang kini telah menebusi pasaran global adalah tanda bahawa pertumbuhan sistem ini telah memasuki fasa baru. Namun, pencapaian ini hadir membawa bersamanya pelbagai peluang dan cabaran. Oleh yang demikian ianya akan memerlukan sistem kawalselia yang kukuh agar pertumbuhan lestari tercapai. Ini adalah kerana ianya melibatkan kawasan yang lebih luas dengan pelbagai budaya, gaya kerja dan undang-undang yang berbeza. Malah hal ini akan turut mencabar kedudukan kewangan Islam, sama ada ianya adalah atas dorongan pasaran atau dipandu oleh Syari'ah. Selain itu, memenuhi tuntutan undang-undang dan amalan-amalan di bidang kuasa yang berbeza akan menjadi cabaran kepada institusi kewangan Islam yang ingin menjalankan transaksi merentasi sempadan. Oleh itu, antara cabaran semasa adalah mencipta produk – produk dan perkhidmatan yang boleh terima secara universal di peringkat global.

2. Inovasi

Seperti yang telah dinyatakan, ketiadaan banyak inovasi menjadi kekangan kepada sistem ini untuk bersaing dan berada dalam kedudukan yang sama dengan sistem konvensional kerana kemajuan yang sangat besar diperlukan dan ini perlu meliputi lebih banyak inovasi produk dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, antara usaha yang dilihat dapat menyumbang kepada inovasi adalah penerokaan lebih banyak kontrak dan prinsip Syari'ah yang boleh digunapakai dalam kewangan Islam. Para penasihat Syari'ah tidak seharusnya menghadkan diri mereka kepada

penulisan ulama' – ulama' silam tetapi mereka juga seharusnya berusaha dan melakukan penyelidikan yang akan membawa banyak manfaat kepada sistem ini dan umat secara keseluruhannya. Ini adalah kerana penyelidikan adalah merupakan inisiatif atau kaedah utama untuk dilihat dapat memenuhi keperluan ini.

3. Jurang Pengetahuan

Hal ini merupakan salah satu halangan penting industri kewangan Islam di mana tidak terdapat banyak sarjana-sarjana Shari'ah yang memahami aspek kewangan dan pengamal-pengamal industri yang memahami Syari'ah. Oleh itu, penyebaran maklumat, forum-forum, latihan dan pusat-pusat pengajian berkaitan kewangan Islam perlu diperkasa. Malah, penguasaan Syari'ah oleh kakitangan institusi kewangan adalh amat penting dan dapat meningkatkan integriti institusi kewangan Islam.

4. Pentadbiran dan Ketelusan

Antara faktor yang menyumbang kepada krisis kewangan terkini adalah disebabkan oleh kelemahan sistem pentadbiran dan kekurangan amlan ketelusan. Oleh itu, industri kewangan Islam tidak harus mengulangi kesilapan serupa. Malah, sistem kewangan Islam telah dikenali dengan meluas sebagai mengamalkan kewangan beretika. Oleh itu, prinsip Islam berkaitan etika perlu diamalkan dalam institusi kewangan Islam dan budaya 'Taqwa kepada Allah' perlu diterapkan dalam diri semua pengamalnya. Sekiranya perkara ini Berjaya diaplikasikan, ianya akan menjadi suatu kelebihan yang dimiliki sistem kewangan Islam ke atas sistem konvensional.

5. Identiti Kewangan Islam

Integriti kewangan Islam, identiti dan ciri-ciri uniknya perlu didukung dan diperkasa. Oleh itu, "keislaman" Kewangan Islam amat penting, ia tidak boleh dibiarkan tercemar atau diragui. Malah, pematuhan Syari'ah sebagai asas kewangan Islam dan Maqasid Syari'ah perlu didukung dan penekanan yang sama rata terhadap kaedah dan matlamat perlu diberi

dalam apa jua inovasi yang dilakukan serta keputusan yang dikeluarkan. Hal ini adalah kerana industri kewangan Islam perlu berhati-hati dan berusaha menjauhkan diri daripada meniru amalan-amalan dan produk konvensional. Sesungguhnya kefahaman yang benar terhadap prinsip Islam dan ciri-ciri unik serta tuntutan kewangan Islam perlu disebarkan dan diperluaskan kepada masyarakat umum. Selain itu, piawaian dan keputusan Syari'ah yang jujur hendaklah diaplikasikan. Pematuhan Syari'ah adalah satu tanggungjawab semua pihak.

Oleh itu, jalan ke hadapan untuk perkembangan lanjut kewangan Islam akan memerlukan pelbagai usaha lagi ditingkatkan. Sesungguhnya perjalanan sistem ini masih jauh dan terdapat banyak kerja lagi perlu dilakukan apatah lagi dengan harapan serta kepercayan yang diberi. Oleh itu usaha mesti digandakan demi pertumbuhan mampan kewangan Islam. Selain itu usaha untuk meningkatkan kefahaman terhadap objektif-objektif Syari'ah harus diperkasa agar semua peserta dalam industri ini memahami dan menyokongnya. Tambahan lagi, sikap saling hormat-menghormati di kalangan warga industri ini terutama para penasihat Syari'ah perlu ditekankan. Hal ini adalah kerana sikap saling hormat - menghormati pendapat satu sama lain dan integrasi antara sarjana-sarjana Syari'ah dan pengamal-pengamal industri adalah amat diperlukan. Malah, lebih utama lagi adalah kerjasama dan koloborasi yang berterusan di kalangan warga industri ini di peringkat global atau tempatan adalah amat dituntut. Sesungguhnya usahasama berpanjangan yang dan kerjasama yang berterusan adalah amat diharapkan oleh kewangan Islam. Hal ini adalah kerana ianya menyumbang kepada pengkayaan sumber-sumber, idea-idea, inisiatif-inisiatif dan usaha-usaha untuk penambahbaikan industri ini.

KAJIAN BERKAITAN KEWANGAN ISLAM

Sesungguhnya antara aspek penting yang harus diberi penekanan pada masa ini demi pertumbuhan sistem kewangan Islam adalah aspek kajian dan penyelidikan. Hal ini adalah kerana ianya membantu proses inovasi, kawal selia serta semakan terhadap perkembangan, produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Ianya akan membantu memastikan bahawa sistem dan amalan sedia ada terus diawasi dan dinaik taraf, sistem kewangan Islam menikmati pertumbuhan

yang mampan dan memnuhi tuntutan semasa. Ianya juga dapat membantu memberi pelbagai alternatif untuk mengatasi cabaran –cabaran yang menghalang serta mengesan atau menghadirkan perspektif atau peluang – peluang baru.

Antara aspek – aspek yang memerlukan kajian dalam sistem kewangan Islam adalah kajian –kajian dalam bidang Syari'ah dan Maqasid Syari'ah, perkembangan atau inovasi produk, pasaran kewangan (pasaran wang dan modal), perbankan, Takaful, undang – undang, pentadbiran korporat, pengurusan risiko dan pengawasan dan perakaunan serta sector pengurusan dana, harta dan hartanah. Selain itu, antara kategori kajian –kajian yang dilakukan adalah kajian jangka masa pendek, sederhana dan kajian jangka masa panjang. Kajian jangka masa panjang adalah kajian yang akan memakan masa lebih daripada setahun dan melibatkan kajian yang mendalam, teliti serta aktiviti simulasi dan boleh dilakukan semasa pengajian untuk memperolehi Ijazah kedoktoran (PhD). Kajian jangka masa sederhana akan memakan masa kurang daripada setahun dan melibatkan kajian yang mendalam serta mencukupi bagi menyelami sesuatu isu dan membentangkan solusi mantap untuknya. Ianya amat diperlukan pada masa ini dan boleh dilakukan secara koloborasi dengan pelbagai pihak. Kajian jangka masa pendek pula amat diperlukan kerana ianya menyentuh pelbagai isu – isu semasa yang memerlukan penjelasan dalam masa terdekat. Kajian seumpama ini juga akan meggalakkan diskusi isu – isu tersebut dalam pelbagai forum yang mugkin dapat membantu menghadirkan pelbagai solusi alternatif. Kajian seumpama ini biasanya memakan masa kurang daripada tiga bulan.

Antara usaha peningkatan terhadap kajian dilakukan dapat dilakukan melalui koloborasi dan kerjasama dengan pelbagai institusi yang menjalankan kajian dalam kewangan Islam. Antara institusi –institusi tersebut adalah Instituti Penyelidikan dan latihan Islam (IRTI), Pusat Penyelidikan untuk Ekonomi Islam di Universiti Raja Abdul Aziz di Saudi Arabia, Universiti Durham, OCIS (Pusat Oxford untuk Pengajian Islam), IIFM (pasaran Kewanagn Islam Antrabangsa) dan sebagainya. Justeru itu, para penyelidik juga boleh mendapatkan khidmat pelbagai pembekal (provider) maklumat kewangan Islam seperti IFIS, IFN, IIBF dan lain – lain. Selain itu, jalinan hubungan yang erat dengan pelbagai institusi

kewangaan dan pengamalnya serta ulama' – ulama' di seluruh dunia akan dapat membantu penghasilan kajian yang lengkap dan bermutu.

Sesungguhnya, masih terdapat banyak kajian yang diperlukan. Antara topik – topik atau isu-isu yang dikenalpasti memerlukan kajian pada masa kini adalah:-

A. Dalam bidang perbankan Islam:-

1. Model Perbankan Islam Baru.
2. Polisi Kewangan Islam
3. Hak milik 'benefisial'
4. Parameter Syari'ah berkaitan Instrumen Lindung Nilai
5. Perkembangan kewangan Islam di Malaysia tanpa BBA
6. Pengurusan Kecairan
7. Pengurusan Risiko

B. Dalam bidang Takaful :-

1. Model Alternatif Takaful
2. Peranan Takaful dalam Pasaran Modal
3. Aplikasi Retro Takaful
4. Risiko boleh insurans dalam Takaful
5. Mekanisma patuh Shariah yang boleh digunakan untuk produk-produk pelaburan saham amanah takaful

C. Dalam bidang pasaran modal:-

1. Sukuk tanpa wa'ad
2. Isu – Isu Syari'ah dalam Produk Berstruktur
3. Hak pemegang sukuk dalam situasi mungkir (defaults)
4. 'Tranching'

D. Dalam bidang Syari'ah:-

1. Harmonisasi
2. Aplikasi Maqasid Syari'ah

3. Pentadbiran Syari'ah dan Audit
4. Sistem kewangan berasaskan Syari'ah (Shari'ah based)

Jika diperhatikan, masih terdapat banyak perkara yang perlu dikaji dan pelbagai pihak diharapkan dapat melibatkan diri, menyumbang atau menyokong usaha ini. Adalah amat diharapkan bahawa kajian –kajian dalam sistem kewangan Islam dapat membincangkan isu-isu semasa dan menyediakan solusi yang relevan dan boleh diaplikasikan ke dalam industri ini.

PENUTUP

Berdasarkan pemerhatian penulis, masih terdapat perjalanan panjang yang perlu ditempuhi oleh sistem ini dan seluru warganya sebelum sistem ini lengkap secara keseluruhannya dan menjadi pilihan utama penduduk dunia. Oleh itu, perjuangan perlu diteruskan secara bersama kerana seperti kata pepatah, "jika berseorangan, amatlah sedikit yang dapat diusahakan; tetapi jika bersama, banyak yang boleh kita lakukan". Maka, adalah penting kita mengakui bahawa lebih banyak kerja keras diperlukan dan peningkatan hendaklah dibuat. Dan segalanya itu adalah suatu tanggungjawab yang dikongsi oleh kita semua (seluruh umat Islam secara umum, para sarjana Syari'ah dan warga industri ini khususnya) secara bersama.

Wallahu a'lam

---

[i] Lihat Standard & Poor's, "***Islamic Finance is likely to go grow apace on broadening geographic reach in 2010***", diakses pada 1/2/2010 daripada laman: http://www.securities.com/doc.html?pc=IG&sv=IFIS&doc_id=251658443&print=1

[ii] Lihat Gatehouse Bank, "***First cross-border transaction using Bursa Malaysias Bursa Suq Al-Sila commodity trading platform***" di laman: http://www.gatehousebank.com/en/latest-news/2009/september/first-cross-border-transaction-using-bursa-malaysias-bursa-suq-al-sila-commodity-trading-platform yang telah diakses pada 3/3/2010.

Rujukan

Ab. Mumin Ab. Ghani, ***Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*,** (JAKIM: Kuala Lumpur)

Adnan Khalid al Turkumani, ***Al Siyasah Al Naqdiyyah Al Masrifiyyah*,** (Muassasah Al Risalah: Beirut, 1988)

Bank Islam Malaysia Berhad, ***Islamic Banking Practice from the Practitioner's Perspective***, (Bank Islam Malaysia Berhad: Kuala Lumpur, 1994)

Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *Development of Islamic Banking in Malaysia: Constraints and opportunities from the Jurisprudential Perspectives,* ***IIUM Law Journal***, Vol. 11, No.2, (IIUM: Gombak, 2003)

Saiful Azhar Rosly, ***Critical Issues in Islamic Banking and Financial Markets*,** (Dinamas: Kuala Lumpur, 2005)

Yusuf Kamal Muhammad, ***Al Masrifiyyah Al Islamiyyah: Al Asas al Fikriy***, 3rd Ed., (Dar Al Nashr Lil Jami'at: Cairo,

Zeti Akhtar Aziz, ***Islamic banking and Finance Progress and prospects Collected Speeches: 2000 – 2005*,** (Bank Negara Malaysia: Kuala Lumpur, 2005)